“(4A) Walau apa pun subseksyen (4), sekian banyak elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen itu bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh lima tahun yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) berakhir (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tahun taksiran yang pertama disebut itu”), hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4) bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tempoh itu”) dan tempoh itu bermula sebaik selepas berakhirnya tahun taksiran yang pertama disebut itu, dan apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang tidak diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29B

45. Walau apa pun subseksyen 29B(4) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh seksyen 44 Akta ini dan subseksyen 29B(4A) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh seksyen 44 Akta ini, apa-apa amaun elaun yang tidak boleh diberikan di bawah subseksyen 29B(4) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 44 Akta ini bagi tahun taksiran 2018 dan amaun itu berkaitan dengan elaun yang ditentukan di bawah subseksyen 29B(4) sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 44 Akta ini bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh lima tahun yang dinyatakan dalam perenggan 29B(2)(b) berakhir—

- (a) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen 29B(4) Akta ibu, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda, selama tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran 2018; dan

- (b) apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang masih belum diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 29D

46. Seksyen 29D Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun subseksyen (4), sekian banyak elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen itu bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) berakhir (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tahun taksiran yang pertama disebut itu”), hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4) bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tempoh itu”) dan tempoh itu bermula sebaik selepas berakhirnya tahun taksiran yang pertama disebut itu, dan apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang tidak diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29D

47. Walau apa pun subseksyen 29D(4) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh seksyen 46 Akta ini dan subseksyen 29D(4A) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh seksyen 46 Akta ini, apa-apa amaun elaun yang tidak boleh diberikan di bawah subseksyen 29D(4) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 46 Akta ini bagi tahun taksiran 2018 dan amaun itu

berkaitan dengan elaun yang ditentukan di bawah subseksyen 29D(4) sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 46 Akta ini bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan 29D(2)(b) berakhir—

- (a) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen 29D(4) Akta ibu, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda, selama tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran 2018; dan
- (b) apa-apa amaun elaun di akhir tempoh itu yang belum lagi diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 29E

48. Seksyen 29E Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun subseksyen (4), sekian banyak elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen itu bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) berakhir (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tahun taksiran yang pertama disebut itu”), hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4) bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tempoh itu”) dan tempoh itu bermula sebaik selepas berakhirnya tahun taksiran yang pertama disebut itu, dan apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang tidak diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29E

49. Walau apa pun subseksyen 29E(4) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh seksyen 48 Akta ini dan subseksyen 29E(4A) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh seksyen 48 Akta ini, apa-apa amaun elaun atau elaun-elaun yang tidak boleh diberikan di bawah subseksyen 29E(4) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 48 Akta ini bagi tahun taksiran 2018 dan amaun itu berkaitan dengan elaun yang ditentukan di bawah subseksyen 29E(4) sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 48 Akta ini bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan 29E(2)(b) berakhir—

- (a) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen 29E(4) Akta ibu, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda, selama tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran 2018; dan
- (b) apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang masih belum diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 29F

50. Seksyen 29F Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun subseksyen (4), sekian banyak elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen itu bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) berakhir (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tahun taksiran yang pertama disebut itu”),

hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4) bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tempoh itu”) dan tempoh itu bermula sebaik selepas berakhirnya tahun taksiran yang pertama disebut itu, dan apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang tidak diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29F

51. Walau apa pun subseksyen 29F(4) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh seksyen 50 Akta ini dan subseksyen 29F(4) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh seksyen 50 Akta ini, apa-apa amaun elaun yang tidak boleh diberikan di bawah subseksyen 29F(4) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 50 Akta ini bagi tahun taksiran 2018 dan amaun itu berkaitan dengan elaun yang ditentukan di bawah subseksyen 29F(4) sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 50 Akta ini bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan 29F(2)(b) berakhir—

- (a) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen 29F(4) Akta ibu, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda, selama tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran 2018; dan
- (b) apa-apa amaun elaun di akhir tempoh itu yang masih belum diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 29G

52. Seksyen 29G Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun subseksyen (4), sekian banyak elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen itu bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh lima tahun yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) berakhir (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tahun taksiran yang pertama disebut itu”), hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4) bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tempoh itu”) dan tempoh itu bermula sebaik selepas berakhirnya tahun taksiran yang pertama disebut itu, dan apa-apa amaun elaun di akhir tempoh itu yang tidak diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29G

53. Walau apa pun subseksyen 29G(4) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh seksyen 52 Akta ini dan subseksyen 29G(4A) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh seksyen 52 Akta ini, apa-apa amaun elaun yang tidak boleh diberikan di bawah subseksyen 29G(4) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 52 Akta ini bagi tahun taksiran 2018 dan amaun itu berkaitan dengan elaun yang ditentukan di bawah subseksyen 29G(4) sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 52 Akta ini bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh lima tahun yang dinyatakan dalam perenggan 29G(2)(b) berakhir—

- (a) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen 29G(4) Akta ibu, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda, selama tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran 2018; dan
- (b) apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang masih belum diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 29H**54. Seksyen 29H Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun subseksyen (4), sekian banyak elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen itu bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) berakhir (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tahun taksiran yang pertama disebut itu”), hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4) bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut (dalam subseksyen ini disebut sebagai “tempoh itu”) dan tempoh itu bermula sebaik selepas berakhirnya tahun taksiran yang pertama disebut itu, dan apa-apa amaun elaun di akhir tempoh itu yang tidak diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29H

55. Walau apa pun subseksyen 29H(4) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh seksyen 54 Akta ini dan subseksyen 29H(4A) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh seksyen 54 Akta ini, apa-apa amaun elaun yang tidak boleh diberikan di bawah subseksyen 29H(4) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 54 Akta ini bagi tahun taksiran 2018 dan amaun itu berkaitan dengan elaun yang ditentukan di bawah subseksyen 29H(4) sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 54 Akta ini bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh sepuluh tahun yang dinyatakan dalam perenggan 29H(2)(b) berakhir—

- (a) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen 29H(4) Akta ibu, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda, selama tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran 2018; dan

- (b) apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang masih belum diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidacukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 29J

56. Subseksyen 29J(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “(5)” perkataan “, (5A)”.

Pindaan seksyen 29K

57. Subseksyen 29K(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “(5)” perkataan “, (5A)”.

Pindaan seksyen 29L

58. Seksyen 29L Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “(4)” perkataan “, (4A)”;
- (b) dalam perenggan (3)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “(4)” perkataan “, (4A)”;
- (c) dalam perenggan (4)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “(4)” perkataan “, (4A)”;
- (d) dalam perenggan (5)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “(6)” perkataan “, (6A)”;
- (e) dalam perenggan (6)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “(6)” perkataan “, (6A)”.

Pindaan seksyen 29N

59. Subseksyen 29N(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “(5)” perkataan “, (5A)”.

Pindaan seksyen 29o**60.** Seksyen 29o Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (6), dengan memasukkan selepas perkataan “(6)” perkataan “, (6A)”; dan
- (b) dalam subseksyen (7), dengan memasukkan selepas perkataan “(5)” perkataan “, (5A)”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29J, 29K, 29L, 29N dan 29o

61. Walau apa pun subseksyen 29J(4), 29K(4), 29L(2), (3), (4), (5) dan (6), 29N(4) dan 29o(6) dan (7) Akta ibu dan subseksyen 29J(4), 29K(4), 29L(2), (3), (4), (5) dan (6), 29N(4) dan 29o(6) dan (7) sebagaimana yang dipinda masing-masing oleh seksyen 56, 57, 58, 59 dan 60 Akta ini, mana-mana amaun elaun yang tidak boleh diberikan di bawah subseksyen 29J(4), 29K(4), 29L(2), (3), (4), (5) dan (6), 29N(4) dan 29o(6) dan (7) sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 56, 57, 58, 59 dan 60 Akta ini bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas apabila tempoh lima tahun atau sepuluh tahun, mana-mana yang berkenaan, yang dinyatakan dalam perenggan 29J(3)(b), 29K(3)(b), subperenggan 29L(2)(a)(ii), 29N(3)(b) atau 29o(3)(b) berakhir—

- (a) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu mengikut subseksyen 29J(4), 29K(4), 29L(2), (3), (4), (5) dan (6), 29N(4) dan 29o(6) dan (7) Akta ibu, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda, bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran 2018; dan
- (b) apa-apa amaun elaun pada akhir tempoh itu yang masih belum diberikan kepada syarikat itu, oleh sebab ketidalcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun daripada perniagaannya bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 30A

62. Subseksyen 30A(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “lima”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949

63. (1) Seksyen 64, 65, 66, 67 dan perenggan 68(a), (b), (c) dan (e) mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Perenggan 68(d) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan seksyen 2

64. Akta Setem 1949, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menggantikan takrif “banker” dengan takrif yang berikut:

‘ “banker” means—

(a) any person licensed under the Financial Services Act 2013 [Act 758] to carry on a banking business in Malaysia;

(b) any person licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759] to carry on an Islamic banking business in Malaysia; or

(c) a development financial institution prescribed under Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618];’; dan

(b) dengan menggantikan takrif “small and medium enterprise” dengan takrif yang berikut:

‘ “small and medium enterprise” means—

(a) in relation to the manufacturing activities, an enterprise with sales turnover not exceeding fifty million ringgit or full-time employees not exceeding two hundred people; or

- (b) in relation to the services, and other sectors, an enterprise with sales turnover not exceeding twenty million ringgit or full-time employees not exceeding seventy-five people;’.

Pindaan seksyen 9

65. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) The Collector, may by notification in the *Gazette*, authorize any person including any banker, dealer or insurer, to compound for the payment of duty on unstamped instrument subject to the condition that the instrument be drawn or drawn up and issued on a form to be supplied or adopted by the said person.”; dan

- (b) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “as mentioned under paragraph 1(a), (b) or (c)” dengan perkataan “under subsection (1)”.

Pindaan seksyen 15

66. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “nominal share capital” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “issued share capital”;
- (b) dengan memotong subseksyen (2);
- (c) dalam subseksyen (5)—
- (i) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “two years” dengan perkataan “three years”; dan
- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “two years” dengan perkataan “three years”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(6A) Where any claim for exemption from duty under this section has been allowed and any of the circumstances specified under subsection (5) occurs, each company which was a party to the instrument shall notify the Collector of the circumstances of the occurrence within thirty days from the date of the occurrence.”.

Pindaan seksyen 15A

67. Seksyen 15A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) This section applies to any instrument with respect to which it is shown to the satisfaction of the Collector—

- (a) that the effect is to transfer a beneficial interest in property from one company with limited liability to another such company, and that the companies are associated where one is the beneficial owner of not less than ninety per cent of the issued share capital of the other, or that a third company with limited liability is the beneficial owner of not less than ninety per centum of the issued share capital of each of the aforesaid companies;
- (b) that the transfer of the property of the associated companies is to achieve greater efficiency in operation; and
- (c) that the company referred to as the transferee company under this section is incorporated in Malaysia.”;

(b) dalam subseksyen (4)—

(i) dalam perenggan (c)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “company” perkataan “within the period of three years from the date of the conveyance or transfer,”; dan

(B) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (c) dengan perkataan “; or”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) the transferee company disposes of the property that it has acquired within three years from the date of the conveyance or transfer of the property,”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Where any claim for exemption from duty under this section has been allowed, it is subsequently found that any declaration or other evidence furnished in support of the claim is untrue, the exemption from duty shall be revoked and duty shall be chargeable, together with interest thereon at the rate of six per centum per annum, from the date on which the duty which the conveyance or transfer ought to be stamped with the proper amount of duty.

(6) Where any claim for exemption from duty under this section has been allowed and any of the circumstances specified under subsection (4) occurs, each company which was a party to the instrument shall notify the Collector in writing of the circumstances of the occurrence within thirty days from the date of the occurrence.

(7) Where a claim is made for exemption under this section, the Collector may require the delivery to him of a statutory declaration in such form as he may direct made by an advocate and solicitor, or in the case of Sabah and Sarawak, an advocate, of the High Court, and of such further evidence, if any, as he deems necessary.”.

Pindaan Jadual Pertama

68. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong butiran 10;

(b) dalam butiran 22—

(i) dengan menggantikan subbutiran (1) dengan subbutiran yang berikut:

“(1) Being the only or principal or primary security for any annuity (except upon the original creation thereof by way of sale or security, and except a superannuation annuity), or for any sum or sums of money at stated periods, not being interest for any sum secured by a duly stamped instrument, nor rent reserved by a lease or tack—

(a) for a definite and certain period so that the total amount to be ultimately payable can be ascertained

The same *ad valorem* duty as a charge or mortgage for such total amount.

(b) for the term of life or any other indefinite period—

for every RM100 RM1.00
and also for any fractional part of RM100 of the annuity or sum periodically payable

”; dan

- (ii) dalam subbutiran (6), dengan memasukkan selepas perkataan “in accordance with the” perkataan “conventional hire purchase and”;
- (c) dengan memasukkan selepas butiran 29 butiran yang berikut:

“29A CONSTITUTION OF A COMPANY RM200.00”.

- (d) dalam subbutiran 32(a), di bawah ruang Proper Stamp Duty—

(i) dalam butiran (iii), dengan menggantikan perkataan “RM500,000.” dengan perkataan “RM500,000 but not exceeding RM1,000,000;”;

dan

- (ii) dengan memasukkan selepas butiran (iii) butiran yang berikut:

“(iv) RM4.00 on any amount in excess of RM1,000,000.”; dan

- (e) dengan memotong butiran 53.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

69. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan Jadual 5

70. Akta Cukai keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*] dipinda dalam Jadual 5—

- (a) dalam Bahagian I, dalam ruang “Kadar cukai” dalam butiran 4, dengan menggantikan perkataan “Tiada” dengan perkataan “5 peratus”;

- (b) dalam Bahagian II, dalam ruang “Kadar cukai” dalam butiran 4, dengan menggantikan perkataan “5 peratus” dengan perkataan “10 peratus”; dan
- (c) dalam Bahagian III, dalam ruang “Kadar cukai” dalam butiran 2, dengan menggantikan perkataan “5 peratus” dengan “10 peratus”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

71. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan seksyen 2

72. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

- (a) dengan menggantikan takrif “aktiviti perniagaan Labuan” dengan takrif yang berikut:

‘ “aktiviti perniagaan Labuan” ertinya suatu aktiviti perdagangan Labuan atau aktiviti bukan perdagangan Labuan yang dijalankan di, dari atau melalui Labuan, tidak termasuk apa-apa aktiviti yang merupakan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;’; dan

- (b) dengan memotong takrif “entiti Labuan”.

Pindaan seksyen 2A

73. Seksyen 2A Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 2B

74. Subseksyen 2B Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Entiti Labuan—

(a) adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(b) hendaklah, bagi maksud aktiviti perniagaan Labuan, mempunyai—

(i) bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi di Malaysia; dan

(ii) jumlah perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Malaysia,

sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.”.

Pindaan seksyen 4

75. Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bagi mengelakkan keraguan, keuntungan bersih yang disebut dalam subseksyen (2) tidak termasuk apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek jika ia boleh diterima sebagai balasan bagi pengeksploitan secara komersial hak itu.

(4) Apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada hak harta intelek yang disebut dalam subseksyen (3) adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada apa-apa paten, penemuan dan inovasi utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, kepandaian dan proses atau formula rahsia, petunjuk geografi dan pemberian geran perlindungan varieti tumbuhan, dan hak-hak lain, sama ada yang berdaftar atau boleh daftar.”.

Pemotongan seksyen 7

76. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 7.

Penggantian seksyen 8

77. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

“Ketiadaan tempoh asas

8. Jika suatu entiti Labuan yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan Labuan yang adalah aktiviti perdagangan Labuan tidak mempunyai tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, Ketua Pengarah boleh mengarahkan tempoh asas bagi tahun taksiran itu dan tahun-tahun taksiran berikutnya adalah termasuk suatu tempoh atau tempoh-tempoh (yang boleh menjadi apa-apa tempoh) sebagaimana dinyatakan dalam arahan itu.”.

Pindaan seksyen 8A

78. Subseksyen 8A(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, 7 atau 8”.

Penggantian seksyen 11

79. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut:

“Pembayaran cukai

11. Suatu entiti Labuan hendaklah, semasa memfailkan akaun berkanun dan penyata keuntungannya bagi sesuatu tahun taksiran di bawah seksyen 5, membuat bayaran penuh bagi akaun—

- (a) cukai yang akan dikenakan bagi tahun taksiran itu; atau
- (b) cukai yang akan dikenakan bagi tahun taksiran itu selepas pengurangan rebat di bawah seksyen 8A.”.

Pindaan seksyen 12

80. Seksyen 12 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perenggan 11(a)” dengan perkataan “seksyen 11”.

Pindaan seksyen 23

81. Perenggan 23(b) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “7, 8 atau”.

Pindaan seksyen 25

82. Seksyen 25 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, 7, 8”.

BAB VII**PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018**

83. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan seksyen 2

84. Akta Cukai Perkhidmatan 2018, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2, dengan memasukkan selepas takrif “perkhidmatan bercukai” takrif yang berikut:

‘ “perkhidmatan bercukai diimport” ertinya apa-apa perkhidmatan bercukai yang diperolehi oleh mana-mana orang di Malaysia daripada mana-mana orang yang berada di luar Malaysia;’.

Pindaan seksyen 7

85. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut:

“Pengenaaan dan skop cukai perkhidmatan

7. Suatu cukai yang dikenali sebagai cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas—

(a) mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau

(b) mana-mana perkhidmatan bercukai dimport.”.

Pindaan seksyen 9

86. Subseksyen 9(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan (iii);

(b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan perkataan “; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) dalam hal perkhidmatan bercukai diimport, nilai perkhidmatan bercukai diimport itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.”.

Pindaan seksyen 11

87. Seksyen 11 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan di bawah seksyen 7, hendaklah menjadi genap masa—

(a) dalam hal perkhidmatan bercukai, pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan yang diberikan oleh orang berdaftar itu kepada pelanggan; atau

- (b) dalam hal perkhidmatan bercukai diimport, pada masa pembayaran dibuat atau invois diterima bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal.”.

Pindaan seksyen 24

88. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan tersebut; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) semua rekod perkhidmatan bercukai diimport; dan”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Seksyen ini hendaklah juga terpakai bagi orang selain orang kena cukai yang, dalam menjalankan perniagaannya, memperoleh apa-apa perkhidmatan bercukai diimport.”; dan

(c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “atau (4)” dengan perkataan “, (4) atau (5A)”.

Seksyen baharu 26A

89. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26 seksyen yang berikut:

“Pengemukaan perisytiharan dan pembayaran cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar oleh orang selain orang kena cukai

26A. (1) Mana-mana orang selain orang kena cukai yang, dalam menjalankan perniagaannya, memperoleh apa-apa perkhidmatan bercukai hendaklah—

(a) mengakaunkan cukai perkhidmatan yang genap masa dalam suatu perisytiharan sebagaimana yang

ditetapkan dan perisytiharan itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah; dan

- (b) membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar olehnya,

tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya bulan yang pembayaran bagi perkhidmatan itu telah dibuat olehnya atau invois telah diterima olehnya.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang—

- (a) melanggar subperenggan (1)(a); atau
- (b) mengemukakan suatu perisytiharan yang tidak betul,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang tidak membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar di bawah perenggan (1)(b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika apa-apa cukai perkhidmatan genap masa dan kena dibayar tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang disebut dalam subseksyen (1) selepas hari terakhir cukai perkhidmatan itu genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan tiada pendakwaan dimulakan, orang kena cukai itu hendaklah membayar—

- (a) untuk tempoh tiga puluh hari pertama cukai perkhidmatan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), suatu penalti sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai perkhidmatan itu yang masih belum dibayar;

- (b) untuk tempoh tiga puluh hari kedua cukai perkhidmatan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), suatu penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun cukai perkhidmatan itu yang masih belum dibayar; dan
- (c) untuk tempoh tiga puluh hari ketiga cukai perkhidmatan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), suatu penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun cukai perkhidmatan itu yang masih belum dibayar.
- (5) Tertakluk kepada subseksyen (7), pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (3) boleh dimulakan selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (4)(c).
- (6) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen (3) untuk membayar penalti yang dinyatakan dalam subseksyen (4).
- (7) Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (3) boleh dimulakan terhadap mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang telah membayar amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang dinyatakan di bawah subseksyen (4) dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4).”.

Pindaan seksyen 27

90. Seksyen 27 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika—

(a) mana-mana orang kena cukai—

- (i) tidak memohon bagi pendaftaran di bawah seksyen 13;

- (ii) tidak mengemukakan suatu penyata di bawah seksyen 26; atau
 - (iii) mengemukakan suatu penyata yang didapati oleh Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul; atau
- (b) mana-mana orang selain orang kena cukai yang, dalam menjalankan perniagaannya, memperoleh apa-apa perkhidmatan bercukai diimport—
- (i) tidak mengemukakan suatu perisytiharan di bawah seksyen 26A; atau
 - (ii) mengemukakan suatu perisytiharan yang didapati oleh Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul,

Ketua Pengarah boleh menaksir mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar di bawah subseksyen 26(8) atau 26A(4), mengikut mana-mana yang berkenaan, jika ada, oleh orang kena cukai itu atau orang yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu tentang taksiran itu secara bertulis.”;

- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “kena cukai”;
- (c) dalam perenggan (4)(a), dengan menggantikan perkataan “perenggan (1)(a) atau (b)” dengan perkataan “subperenggan (1)(a)(i) atau (ii)”;
- (d) dalam subseksyen (5)—
 - (i) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
 - “(b) dalam hal orang kena cukai, dalam tempoh bercukai yang dalamnya taksiran itu sepatutnya telah dibuat, atau dalam hal orang yang disebut dalam perenggan (1)(b), dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen 26A(1),”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “kena cukai”; dan

- (e) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “kepada mana-mana orang kena cukai di bawah subseksyen (1), (2) atau (5), ia hendaklah disifatkan sebagai suatu amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar, oleh orang kena cukai itu dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya dan amaun cukai perkhidmatan dan penalti itu, jika ada, hendaklah dibayar oleh orang kena cukai itu, sama ada atau tidak orang kena cukai itu” dengan perkataan “menurut subseksyen (1), (2) atau (5), ia hendaklah disifatkan sebagai suatu amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar, oleh orang itu dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya dan amaun cukai perkhidmatan dan penalti itu, jika ada, hendaklah dibayar oleh orang itu, sama ada atau tidak orang itu”.

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 2018

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Jualan 2018

- 91.** Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan seksyen 9

- 92.** Akta Cukai Jualan 2018, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 9(3) dengan memotong perkataan “berdaftar”.

Pindaan seksyen 27

- 93.** Seksyen 27 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “kena cukai”;

(b) dalam subseksyen (8)—

(i) dalam perenggan (b), dengan memasukkan sebelum perkataan “dalam tempoh” perkataan “dalam hal orang kena cukai,”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “kena cukai”; dan

(c) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “kepada mana-mana orang kena cukai di bawah subseksyen (1), (2), (6) atau (8), ia hendaklah disifatkan sebagai suatu amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar, oleh orang kena cukai itu dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya dan amaun cukai jualan dan penalti itu, jika ada, hendaklah dibayar oleh orang kena cukai itu, sama ada atau tidak orang kena cukai itu” dengan perkataan “menurut subseksyen (1), (2), (6) atau (8), ia hendaklah disifatkan sebagai suatu amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar, oleh orang itu dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya dan amaun cukai jualan dan penalti itu, jika ada, hendaklah dibayar oleh orang itu, sama ada atau tidak orang itu”.

Pindaan Bahagian VI

94. Bahagian VI Akta ibu dipinda dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “DAN PEREMITAN” dengan perkataan “, PEREMITAN DAN PEMOTONGAN”.

Seksyen baharu 41A

95. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 41 seksyen yang berikut:

“Pemotongan cukai jualan

41A. (1) Tetakluk kepada subseksyen (2), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan—

(a) apa-apa amaun cukai jualan untuk dipotong berkenaan dengan barang bercukai yang dibeli oleh mana-mana pengilang berdaftar;

(b) apa-apa syarat bagi pemotongan itu; dan

(c) bentuk dan cara bagi pemotongan itu.

(2) Pemotongan cukai jualan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat ke atas barang bercukai yang merupakan bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan yang digunakan semata-mata dalam pengilangan barang bercukai.

(3) Jika mana-mana pengilang berdaftar yang telah membuat pemotongan di bawah subseksyen (1) tidak mematuhi apa-apa syarat yang berhubungan dengan pemotongan itu, apa-apa cukai jualan yang menjadi perkara kepada pemotongan itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar oleh pengilang berdaftar itu pada tarikh yang mana-mana syarat itu tidak dipatuhi.”.

Pindaan seksyen 82

96. Subseksyen 82(6) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “(6)” dengan perkataan “(5)”.

Seksyen baharu 88A

97. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 88 seksyen yang berikut:

“Mendapatkan pemotongan cukai jualan secara tidak wajar

88A. Mana-mana orang yang menyebabkan atau cuba menyebabkan pemotongan cukai jualan di bawah seksyen 41A untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa amaun yang melebihi amaun yang sepatutnya boleh dipotong untuk dirinya atau untuk orang lain itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan

(b) dikenakan penalti dua kali ganda amaun yang dipotong yang melebihi amaun yang sepatutnya boleh dipotong.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (“Akta 327”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (“Akta 807”) dan Akta Cukai Jualan 2018 (“Akta 806”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 53. *Subfasal (a)* bertujuan untuk menggantikan takrif “syarikat Labuan” untuk meliputi entiti Labuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual kepada Akta 445.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Subfasal (b) bertujuan untuk memasukkan takrif “research and development” agar selari dengan kehendak di bawah *Frascati Manual* yang dikeluarkan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). Berikutan dengan takrif yang dicadangkan, pindaan berbangkit dibuat kepada Akta 53 dalam seksyen 34 dan 34A dan Jadual 3 melalui *fasal 7*, 8 dan 24 Rang Undang-Undang ini.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 4A Akta 53. Pindaan yang dicadangkan menjelaskan kedudukan sedia ada bahawa apa-apa amaun yang dibayar kepada seseorang yang bukan pemastautin di Malaysia sebagai balasan atas nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan apa-apa pengusahaan, usaha niaga, projek atau skim saintifik, industri atau komersial adalah tertakluk kepada cukai di bawah seksyen ini.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pendapatan seseorang daripada perniagaan yang berpunca daripada suatu tempat perniagaan di Malaysia hendaklah disifatkan sebagai pendapatan kasar orang itu yang diperolehi dari Malaysia daripada perniagaan itu. Selanjutnya peruntukan yang dicadangkan menjelaskan erti “place of business” dan menangani situasi jika seseorang yang bukan pemastautin dari negara yang tidak memasuki Perjanjian Percukaian Dua Kali dengan Malaysia menjalankan perniagaannya di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

5. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 53 untuk memasukkan perenggan baharu (1)(r) untuk memperuntukkan bahawa sembilan puluh tujuh peratus daripada apa-apa perbelanjaan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa pembayaran yang dibuat oleh seseorang pemastautin kepada syarikat Labuan tidak dibenarkan sebagai potongan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

6. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 43 ke dalam Akta 53. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa amaun yang ditentukan di bawah perenggan 43(3)(b) Akta 53 bagi tahun taksiran 2018 bolehlah terus dipotong di bawah subsekyen 43(2) Akta 53 sehingga tahun taksiran 2025, dan apa-apa amaun sedemikian yang tidak dapat dipotong sepenuhnya berdasarkan peruntukan subseksyen 43(2) Akta 53 selepas tahun taksiran 2025 tidak boleh diambil kira.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 44 Akta 53 untuk memasukkan subseksyen baharu (5F). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa amaun kerugian yang ditentukan di bawah subseksyen 44(4) atau (5) Akta 53 bagi suatu tahun taksiran adalah dibenarkan sebagai potongan bagi maksud seksyen 43 bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subseksyen 44A Akta 53. *Subfasal (a)* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat boleh dalam tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut menyerahkan tidak lebih daripada tujuh puluh peratus daripada kerugian larasannya kepada syarikat yang berkaitan dengannya berbeza dengan peruntukan sedia ada yang tidak mengehendkan tempoh masa untuk syarikat menyerahkan kerugian larasannya.

Subfasal (b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (1A) ke dalam seksyen 44A Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut yang disebut dalam subseksyen (1) bermula dari tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran yang mengandungi tempoh dua belas bulan syarikat itu pertama kali mula beroperasi. Jika syarikat penyerah memulakan operasi pada hari dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran menyediakan akaunnya bagi tempoh kurang atau lebih daripada dua belas bulan bagi tahun taksiran pertama, syarikat penyerah dibenarkan untuk menyerahkan kerugian larasannya bermula dari tempoh asas kedua bagi tahun taksiran yang berikutan dengan tempoh asas syarikat mula beroperasi yang mempunyai tempoh asas dua belas bulan.

Subfasal (c) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu (10)(aa) ke dalam seksyen 44A Akta 53. Dengan pindaan yang dicadang ini, peruntukan seksyen 44A tidak terpakai bagi syarikat yang tidak menggunakan elaun cukai pelaburan atau kerugian larasan daripada perniagaan perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 44A Akta 53. *Subfasal (a)* Akta 53 memperuntukkan bahawa syarikat penyerah adalah layak untuk menyerahkan kerugian larasannya untuk tahun taksiran 2019 bagi syarikat penyerah yang pertama kali mula beroperasi dan syarikat itu mempunyai tempoh asas selama dua belas bulan untuk tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran 2015.

Subfasal (b) Akta 53 memperuntukkan bahawa syarikat penyerah adalah layak untuk menyerahkan kerugian larasannya untuk tahun taksiran 2019 dan 2020 bagi syarikat penyerah yang pertama kali mula beroperasi dan syarikat itu mempunyai tempoh asas selama dua belas bulan untuk tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran 2016.

Subfasal (c) Akta 53 memperuntukkan bahawa syarikat penyerah adalah layak untuk menyerahkan kerugian larasannya untuk tahun taksiran 2019, 2020 dan 2021 bagi syarikat penyerah yang pertama kali mula beroperasi dan syarikat itu mempunyai tempoh asas selama dua belas bulan untuk tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran 2017.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019, 2020 dan 2021.

10. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(k) Akta 53 untuk menaikkan potongan peribadi bagi seseorang individu daripada enam ribu ringgit kepada lapan ribu ringgit berkenaan dengan amaun yang didepositkan oleh individu itu bagi anaknya ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional dalam suatu tahun asas bagi tahun taksiran dikurangkan dengan pengeluaran yang dibuat oleh individu itu dalam akaun itu bagi tahun asas bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan 2020.

11. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan amaun potongan yang dibenarkan ke atas individu di bawah seksyen itu bagi pembayaran premium insurans, caruman kepada skim yang diluluskan dan caruman berkenaan dengan pencen duda, balu dan anak yatim tidak lagi dijumlahkan. Amaun yang dibenarkan sebagai potongan bagi premium insurans, caruman kepada skim yang diluluskan dan caruman berkenaan dengan pencen duda, balu dan anak yatim adalah amaun yang masing-masing tidak melebihi tiga ribu ringgit, empat ribu ringgit dan empat ribu ringgit. Walau bagaimanapun, dalam hal pegawai berpencen di bawah Akta Pencen 1980 [Akta 227], seseorang individu dibenarkan untuk menuntut bagi potongan amaun yang tidak melebihi tujuh ribu ringgit sekiranya individu itu tidak membuat apa-apa tuntutan bagi caruman bagi skim yang diluluskan atau caruman berkenaan dengan pencen duda, balu dan anak yatim.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 16 dan 17* bertujuan untuk meminda seksyen 60 dan 60A Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans semula akan dikenakan cukai di bawah perenggan 3 Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53. Pindaan yang dicadangkan selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Forum OECD mengenai Harmful Tax Practices (FHTP).

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

13. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 60AA Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, pengendali perniagaan takaful semula alir masuk tidak lagi boleh menikmati kadar cukai keutamaan pada kadar lima peratus. Pengendali yang menjalankan perniagaan takaful semula termasuk perniagaan takaful semula alir masuk hendaklah dikenakan cukai pada kadar yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4 Bahagian 4 Jadual 1 kepada Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 19* bertujuan untuk memotong seksyen 60B Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, penanggung perniagaan insurans luar pesisir tidak lagi menikmati cukai keutamaan pada kadar lima peratus. Penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir hendaklah dikenakan cukai sama seperti perniagaan insurans yang lain.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

15. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 140A Akta 53. *Subfasal (a)* dan *(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 140A(5)(c) dan memasukkan subseksyen baharu 140A(5A) ke dalam Akta 53 untuk meluaskan maksud “control” di bawah seksyen 139 untuk meliputi situasi yang menerangkan kewujudan kawalan jika modal saham dipegang oleh seseorang atau orang ketiga lebih daripada dua puluh peratus.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

16. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 140C ke dalam Akta 53 berbangkit daripada pemotongan subseksyen 140A(4) melalui Akta Kewangan (No. 2) 2017 [Akta 801]. Dengan pindaan ini, seseorang tidak dibenarkan, tertakluk kepada kaedah-kaedah yang dibuat menurut seksyen itu, untuk membuat pemotongan daripada pendapatan kasar dari sumber yang terdiri daripada perniagaan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan apa-apa faedah yang dibelanjakan berkaitan dengan atau ke atas apa-apa bantuan kewangan dalam transaksi terkawal yang diberikan secara langsung atau tidak langsung kepada orang itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

17. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda Jadual 1 kepada Akta 53. *Subfasal (a)* bertujuan untuk meminda Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa—

- (i) kadar cukai bagi lima ratus ribu ringgit yang pertama bagi syarikat dengan modal berbayar berkenaan dengan saham biasa yang kurang daripada dua juta lima ratus ribu ringgit dan suatu perkongsian liabiliti terhad yang mempunyai jumlah sumbangan modal dua juta lima ratus ribu dan kurang dikurangkan daripada lapan belas peratus kepada tujuh belas peratus; dan
- (ii) kadar cukai yang boleh dikenakan untuk perniagaan insurans semula dan perniagaan takaful semula adalah lapan peratus.

Subfasal (c) bertujuan untuk meminda Bahagian IX Jadual 1 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi syarikat pengurusan dana asing berhubung dengan sumber yang terdiri daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing dinaikkan daripada sepuluh peratus kepada dua puluh empat peratus bermula dari tahun taksiran 2021.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

18. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda Jadual 3 kepada Akta 53. *Subfasal (d)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu perenggan 75D ke dalam Jadual 3 ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa amaun elaun modal yang tidak diserap yang ditentukan di bawah perenggan 75 dalam Jadual 3 kepada Akta 53 bagi suatu tahun taksiran hendaklah hanya dibuat kepada syarikat mengikut perenggan 75 bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

19. *Fasal 25* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubung dengan perenggan 75D dalam Jadual 3 kepada Akta 53. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun modal yang tidak diserap yang tidak diberikan kepada seseorang setakat tahun taksiran 2018 hanya akan diberikan kepada orang itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang masih belum diberikan kepada orang itu dalam tempoh tersebut tidak boleh diambil kira.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

20. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda perenggan 35A dalam Jadual 6 kepada Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, suatu syarikat tidak lagi layak mendapat pengecualian di bawah perenggan tersebut bagi apa-apa faedah yang diterima daripada bank atau institusi kewangan melalui dana pasaran mata wang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

21. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda Jadual 7A kepada Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, apa-apa elaun pelaburan semula yang masih belum diberikan kepada seseorang di bawah perenggan 4 dalam Jadual 7A kepada Akta 53 hendaklah hanya diberikan kepada orang itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang masih belum diberikan kepada orang itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

22. *Fasal 28* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan perenggan 4B dalam Jadual 7B kepada Akta 53. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun pelaburan semula yang masih belum diberikan kepada seseorang bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2018 hendaklah hanya diberikan kepada orang itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang masih belum diberikan kepada orang itu dalam tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

23. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda Jadual 7B kepada Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, apa-apa elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan yang masih belum diberikan kepada seseorang di bawah perenggan 5 dalam Jadual 7B kepada Akta 53 hendaklah hanya diberikan kepada orang itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tempoh asas bagi tahun taksiran yang tempoh kelulusan bagi elaun itu berakhir. Amaun yang masih belum diberikan kepada orang itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

24. *Fasal 30* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan perenggan 5A dalam Jadual 7B kepada Akta 53. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan yang masih belum diberikan kepada seseorang bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2018 hendaklah hanya diberikan kepada orang itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang masih belum diberikan kepada orang itu dalam tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

25. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda meminda seksyen 2 Akta 327 bagi memasukkan takrif “penyelidikan dan kemajuan”. Pindaan ini bersamaan dengan kemasukan takrif yang sama ke dalam seksyen 2 Akta 53 dalam *fasal 4*.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

26. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda subseksyen 6(1A) Akta 327 untuk menjelaskan bahawa suatu syarikat yang memohon perakuan perintis perlu mematuhi syarat-syarat di bawah kelulusan taraf perintis dan mempunyai jumlah pekerja sepenuh masa yang mencukupi dan telah melakukan perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi bagi aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

27. *Fasal 34* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan pemakaian subseksyen 6(1A) sebagaimana yang dipinda oleh *fasal 33* Rang Undang-Undang ini. Peruntukan khas ini memperuntukkan bahawa suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak yang telah diberikan taraf perintis pada atau sebelum 16 Oktober 2017 tidak perlu mematuhi syarat baharu di bawah subseksyen 6(1A) sehingga 30 Jun 2021, dan syarikat yang telah diberikan taraf perintis selepas 16 Oktober 2017 tidak perlu mematuhi syarat baharu ini sehingga 31 Disember 2018.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

28. *Fasal 35* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 21E(2A), (2B), (2C) ke dalam Akta 327. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan bahawa bagi maksud Akta 327, pendapatan syarikat bertaraf perintis tidak termasuk pendapatan yang berpunca daripada hak harta intelek. Apa-apa pendapatan yang berpunca daripada hak harta intelek hendaklah dicukai di bawah Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

29. *Fasal 36* bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu subseksyen 25(5) ke dalam Akta 327. Dengan pindaan ini, apa-apa kerugian yang ditanggung oleh syarikat perintis yang belum dipotong daripada pendapatan statutorinya bagi tahun taksiran di bawah subseksyen (4), pemotongan hendaklah dibuat kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4), hanya boleh dibuat kepada syarikat itu mengikut subseksyen (4) bagi tempoh tujuh tahun berturut-turut dan tempoh bermula sebaik selepas tahun taksiran yang berikutnya yang berkaitan dengan tempoh asas yang jatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis, dan apa-apa jumlah pemotongan pada akhir tempoh itu yang belum dibuat oleh orang itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan larian bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

30. *Fasal 37* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 25 Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa pemotongan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh syarikat perintis yang tidak boleh dibuat di bawah subseksyen 25(4) bagi tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2018 hendaklah hanya dibuat ke atas syarikat itu bagi tempoh tidak lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang belum dibuat ke atas syarikat itu dalam tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

31. *Fasal 38* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 29(5A) ke dalam Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29(5) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

32. *Fasal 39* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29 Akta 327. Dengan peruntukan yang dicadangkan, apa-apa elaun cukai pelaburan yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2018 tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

33. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 29A Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan berkenaan dengan suatu permohonan yang diterima pada atau selepas 1 November 1991 yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29A(6) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

34. *Fasal 41* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29A Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan berkenaan dengan permohonan yang diterima pada atau selepas 1 November 1991 yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi mana-mana tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2018 tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

35. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda seksyen 29AA Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah subseksyen 26(1) yang telah diluluskan di bawah subseksyen 27(1A) bagi syarikat kecil yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29AA(5) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

36. *Fasal 43* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29AA Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah subseksyen 26(1) yang telah diluluskan di bawah subseksyen 27(1A) bagi syarikat kecil yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

37. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 29B Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26A yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29B(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

38. *Fasal 45* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29B Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26A yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

39. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 29D Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26c yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27c yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29D(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

40. *Fasal 47* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29D Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26c yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27c yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

41. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda seksyen 29E Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26D yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27D yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29E(4) hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

42. *Fasal 49* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29E Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26D yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27D, yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

43. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda seksyen 29F Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26E yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27E yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29F(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

44. *Fasal 51* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29F Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26E yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27E, yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

45. *Fasal 52* bertujuan untuk meminda seksyen 29G Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26F yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27F yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29G(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

46. *Fasal 53* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29G Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26F yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27F, yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

47. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda seksyen 29H Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26G yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27G yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29H(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

48. *Fasal 55* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 29H Akta 327. Peruntukan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26G yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27G, yang tidak boleh diberikan kepada suatu syarikat bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya tidak boleh diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh lebih daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran 2018. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

49. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 29J Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26I yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27I yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29J(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

50. *Fasal 57* bertujuan untuk meminda seksyen 29K Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26J yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27J yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29K(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

51. *Fasal 58* bertujuan untuk meminda seksyen 29L Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26K yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27K yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29L(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

52. *Fasal 59* bertujuan untuk meminda seksyen 29N Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26M yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27M yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29N(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

53. *Fasal 60* bertujuan untuk meminda seksyen 29O Akta 327. Dengan pindaan yang dicadangkan, elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26N yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27N yang masih belum diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen 29O(4) Akta 327 hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran pertama. Amaun yang tidak diberikan kepada syarikat itu pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

54. *Fasal 61* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan khas berhubung dengan seksyen 29J, 29K, 29L, 29N and 29O of Act 327. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa apa-apa elaun cukai yang belum dibuat ke atas syarikat bagi tahun taksiran 2018 di bawah peruntukan tersebut

sebelum permulaan kuat kuasa pindaan di bawah Akta ini hendaklah hanya diberikan kepada syarikat itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran 2018.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

55. *Fasal 62* bertujuan untuk meminda seksyen 30A Akta 327 bagi menarik balik elaun cukai pelaburan bagi aset yang dilupuskan dalam tempoh lima tahun dari tarikh aset diperoleh.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

56. *Fasal 64* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 378 untuk meminda takrif “banker” dan “small and medium enterprise” yang sedia ada.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

57. *Fasal 65* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 378 untuk memberi Pemungut kuasa untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, untuk mengkompaun bayaran duti ke atas surat cara tertentu mengikut syarat yang dinyatakan di bawah seksyen ini.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

58. *Fasal 66* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 378 dengan melanjutkan tempoh syarikat hendaklah kekal sebagai pemilik benefisial syer, daripada dua tahun kepada tiga tahun bagi membolehkan syarikat itu mendapat pengecualian di bawah seksyen ini. Setiap syarikat yang menjadi pihak kepada surat cara juga dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pemungut apa-apa perubahan hal keadaan dalam tempoh tiga puluh hari daripada berlakunya perubahan itu. Pembayar duti hendaklah memenuhi semua syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen itu sebelum relief diberikan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

59. *Fasal 67* bertujuan untuk meminda seksyen 15A Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat tidak boleh melupuskan aset yang diperoleh dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pemindahhakan atau pindah hak milik dan hendaklah mengekalkan hakmilik untuk tempoh tiga tahun. Pindaan yang dicadangkan juga mensyaratkan duti setem dan faedah akan dikenakan jika didapati bahawa perisytiharan atau keterangan yang dikemukakan untuk menyokong tuntutan pengecualian di bawah seksyen ini adalah tidak benar. Pembayar duti hendaklah memenuhi semua syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen itu sebelum relief dibenarkan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

60. *Fasal 68* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 378. *Subfasal (a)* dan *(e)* bertujuan untuk memotong butiran 10 dan 53 berbangkit daripada pembuatan Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*].

Subsubfasal (b)(i) bertujuan untuk meminda subbutiran 22(1) untuk menjelaskan tentang layanan duti bagi sekuriti ke atas suatu tempoh tetap dan sekuriti bagi tempoh sepanjang hayat atau tempoh yang belum ditetapkan.

Subsubfasal (b)(ii) bertujuan untuk meminda subbutiran 22(6) untuk menjelaskan bahawa subbutiran 22(6) meliputi perjanjian jual beli konvensional dan jual beli mengikut prinsip Syariah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Subfasal (c) bertujuan untuk memasukkan butiran baharu 29A untuk memperuntukkan bagi penyeteman Perlembagaan Syarikat berbangkit daripada pembuatan Akta 777.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Subfasal (d) bertujuan untuk meminda subbutiran 32(a) untuk memasukkan kadar baharu duti sebanyak empat peratus ke atas pemindahhakan, penyerahhakan, pemindahan atau bil jualan mutlak mana-mana harta dengan nilai pasaran yang melebihi satu juta ringgit.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

61. *Fasal 70* bertujuan untuk meminda Jadual 5 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan kadar baharu cukai bagi pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang dibuat oleh seseorang individu yang merupakan warganegara dan juga pemastautin tetap di Malaysia, suatu syarikat dan seseorang individu yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap di Malaysia.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

62. *Fasal 72* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 445 untuk meminda takrif “aktiviti perniagaan Labuan” untuk memperuntukkan bahawa aktiviti perniagaan Labuan bererti suatu aktiviti perdagangan Labuan atau aktiviti bukan perdagangan Labuan yang dijalankan dalam, dari atau melalui Labuan. Pindaan yang dicadangkan adalah bagi membolehkan entiti Labuan berurusan dengan pemastautin dan dalam ringgit.

63. *Fasal 73* bertujuan untuk meminda seksyen 2A Akta 445. Pindaan yang dicadangkan memotong peruntukan berkenaan dengan kuasa Menteri untuk meluluskan transaksi antara entiti Labuan dengan pemastautin dalam ringgit.
64. *Fasal 74* bertujuan untuk meminda seksyen 2B Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa suatu entiti Labuan mestilah bukan hanya suatu entiti yang dinyatakan dalam Jadual tetapi mesti juga memenuhi kehendak berhubung dengan bilangan pekerja sepenuh masa dan perbelanjaan operasi tahunan di Malaysia.
65. *Fasal 75* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 445 untuk menjelaskan bahawa untung bersih yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta 445 tidak boleh termasuk pendapatan yang diperoleh daripada hak harta intelek, dan mana-mana pendapatan yang diperoleh daripada hak harta intelek tertakluk kepada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
66. *Fasal 76* bertujuan untuk memotong seksyen 7 Akta 445. Dengan pindaan yang dicadangkan, entiti Labuan tidak lagi mempunyai pilihan untuk memilih membayar cukai sebanyak dua puluh ribu ringgit.
67. *Fasal 77* bertujuan untuk menggantikan seksyen 8 Akta 445 untuk menjelaskan bahawa Ketua Pengarah boleh memberikan arahan mengenai tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam hal apabila aktiviti perdagangan Labuan tidak mempunyai tempoh asas bagi tahun taksiran itu.
68. *Fasal 79* bertujuan untuk menggantikan seksyen 11 Akta 445 berbangkit daripada pemotongan seksyen 7 dan pindaan seksyen 8 Akta 445.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

Bab VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

69. *Fasal 84* bertujuan untuk memasukkan takrif “perkhidmatan bercukai diimport” ke dalam seksyen 2 Akta 807.
70. *Fasal 85* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 807 untuk mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai diimport.
71. *Fasal 86* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 807 untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan nilai perkhidmatan bercukai diimport.
72. *Fasal 87* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 11(1) Akta 807 untuk memperuntukkan tempoh masa apabila cukai perkhidmatan menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas perkhidmatan bercukai diimport.
73. *Fasal 88* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 807 untuk menghendaki orang kena cukai dan orang selain orang kena cukai yang, dalam menjalankan perniagaannya, memperoleh apa-apa perkhidmatan bercukai diimport, untuk menyimpan rekod berkenaan perkhidmatan bercukai diimport.

74. *Fasal 89* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 26A ke dalam Akta 807 untuk menghendaki orang selain orang kena cukai mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu perisytiharan yang berhubung dengan perkhidmatan bercukai diimport yang diperolehnya dalam menjalankan perniagaannya membayar kepada Ketua Pengarah cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar olehnya.

75. *Fasal 90* bertujuan untuk meminta seksyen 27 Akta 807 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mentaksir apa-apa cukai genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar berbangkit daripada kemasukan seksyen baharu 26A ke dalam Akta 807. Pindaan yang dicadangkan juga meluaskan kuasa Ketua Pengarah untuk membuat taksiran tersebut ke atas mana-mana orang, berbeza dengan peruntukan sedia ada yang terpakai hanya bagi orang kena cukai.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 2018

Bab VIII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

76. *Fasal 92* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(3) untuk memperluas pemakaian subseksyen itu kepada semua pengilang.

77. *Fasal 93* bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta 806 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mentaksir apa-apa cukai genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar oleh mana-mana orang, berbeza dengan peruntukan sedia ada yang terpakai hanya bagi orang kena cukai.

78. *Fasal 95* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A ke dalam Akta 806. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menentukan amaun cukai jualan yang boleh dipotong berkenaan dengan barang bercukai yang merupakan bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan yang dibeli oleh mana-mana pengilang berdaftar dari mana-mana orang yang tidak berdaftar dan barang tersebut digunakan semata-mata untuk pengilangan barang bercukai. *Fasal* ini selanjutnya memberi Menteri kuasa untuk menetapkan bentuk, cara dan syarat-syarat bagi pemotongan amaun cukai jualan. *Fasal* ini juga memperuntukkan jika mana-mana pengilang berdaftar tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri, cukai jualan yang telah dipotong akan menjadi genap masa dan kena dibayar pada masa syarat itu tidak dipatuhi.

79. *Fasal 97* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 88A ke dalam Akta 806 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang mendapatkan secara tidak wajar pemotongan cukai jualan di bawah seksyen baharu 41A Akta 806 sebagaimana yang dimasukkan di bawah *fasal 95* Akta ini.

AM

80. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3129]